

KL, Ashgabat banyak persamaan

Peluang bekerjasama rapat dalam pelbagai bidang

Ashgabat (Turkmenistan): Banyak persamaan dalam dasar dan pendekatan antara Malaysia dengan Turkmenistan memberikan peluang kepada kedua-dua negara untuk bekerjasama rapat dalam pelbagai bidang, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu boleh dipertingkatkan lagi melalui pelbagai cara termasuk mengadakan pameran perniagaan dan produk dari kedua-dua negara.

"Kami berharap dapat melihat pameran produk dan budaya Turkmenistan di Malaysia, dan kami juga berharap dapat mengadakan pameran yang sama di Ashgabat tahun depan," katanya dalam kenyataan media bersama pada akhir pertemuan dengan Presiden Turkmenistan Gurbanguly Berdimuhamedov, di Istana Presiden di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata hubungan antara Malaysia dengan Turkmenistan tidak begitu kukuh kerana masing-masing kurang mengetahui antara satu sama lain memandangkan kedua-dua negara menjadi milik blok yang berbeza pada masa lalu.

"Tetapi sekarang kita mempunyai peluang untuk bertemu dan

mengadakan perbincangan panjang lebar dengan Presiden dan agak jelas kita mempunyai banyak persamaan serta pelbagai perkara yang kita boleh bertukar-tukar pendapat atau maklumat untuk meningkatkan pembangunan negara kita.


"Ia sangat penting apabila kita mempunyai banyak persamaan dan pada masa yang sama bertukar-tukar idea dan maklumat untuk meningkatkan kemajuan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata lawatan oleh pemimpin tertinggi juga penting dan beliau menjemput Berdimuhamedov untuk melawat Malaysia.

Berdimuhamedov mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada Disember 2011 dan November 2016.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Turkmenistan melihat banyak peluang yang boleh dimainkan dalam hal ehwal antarabangsa, contohnya melalui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) apabila kedua-dua negara menzahirkan kebimbangan terhadap keganasan.

"Semasa Sidang Kemuncak NAM, kita melihat daripada ucapan yang dibuat bahawa Malaysia dan Turkmenistan mempunyai pandangan yang sama. Kami sangat prihatin terhadap keganasan di dunia dan saya telah menjelaskan bahawa ada sebab untuk keganasan. Jika kita mengenal pasti sebabnya dan cuba untuk menghapuskan keganasan, mungkin kita akan dapat mengurangkan keganasan, dan bahkan menghapuskannya.



Dr Mahathir bersama Berdimuhamedov pada sesi bersama media dan mesyuarat dua hala pada Majlis Sambutan Rasmi di Istana Presiden sempena lawatan rasmi selama dua hari ke Ashgabat Turkmenistan, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Ia sangat penting apabila kita mempunyai banyak persamaan dan pada masa yang sama bertukar-tukar idea dan maklumat untuk meningkatkan kemajuan negara.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

"Ini suatu yang kita dapati banyak negara berkuasa tidak mahu lakukan untuk mengenal pasti sebab dan juga bertindak untuk mengurangkan keganasan. Tindakan ketenteraan sahaja tidak akan menghapuskan keganasan," tegasnya.

Terdahulu, Dr Mahathir yang dalam lawatan rasmi dua hari bermula semalam, diberikan sambutan rasmi di Dataran Presiden dan ketibaan beliau disambut Berdimuhamedov.

Selepas lagu kebangsaan Malaysia dan Turkmenistan dimainkan, Dr Mahathir memeriksa barisan kawalan kehormat.

Dr Mahathir dan Berdimuhamedov, kemudian mengadakan mesyuarat terhad diikuti oleh mesyuarat dua hala dan majlis pemeteraian program kerjasama.

Program berkenaan membabitkan Pertukaran Nota Program Kerjasama antara Kementerian Luar Malaysia dan Turkmenistan untuk 2020/2021; serta Pertukaran Nota Kerjasama Akademi-Diplomatik antara kedua-dua kerajaan.

Delegasi Malaysia termasuk Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. BERNAMA